



## Pemegang saham Tradewinds setuju beli tiga syarikat

KUALA LUMPUR 27 Dis. - Tradewinds Corp. Bhd. telah mendapat kelulusan pada mesyuarat agung luar biasa (EGM)nya hari ini untuk menjual keseluruhan 53 peratus kepentingannya dalam Tradewinds (M) Bhd (TWS) kepada pemegang saham.

EGM itu juga meluluskan rancangannya untuk membeli tiga syarikat yang mempunyai simpanan tanah tergabung berjumlah 362.8 hektar di Bandar Nusajaya, Johor dengan harga RM145 juta, katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya, pemegang saham Tradewinds akan menawarkan 142 saham TWS bagi setiap 1,000 saham Tradewinds yang dipegang.

"Harga tawaran RM3.80 sesaham itu merupakan harga diskaun sebanyak lebih 20 peratus berbanding harga saham Tradewinds, yang berharga RM4.84 pada 24 Dis, 2007," katanya.